

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 22.08.2025 MASA: 9.00AM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN PROGRAM KITAR SEMULA
BEG PLASTIK BERAS DENGAN KERJASAMA
SYARIKAT JASMINE FOOD CORPORATION SDN. BHD.
DI PASAR BESAR ECONSAVE JAWI**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**24 OGOS 2025 (AHAD)
10.30 PAGI**

**PASAR BESAR ECONSAVE JAWI
SEBERANG PERAI SELATAN**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye

EXCO Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar Dan Desa

Yang Berbahagia Dato' Haji Baderul Amin Bin Abdul Hamid

Datuk Bandar Seberang Perai

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin

Pengarah Perkhidmatan Perbandaran Merangkap Penyelaras Program
Kitar Semula Beg Plastik Beras Bersama Syarikat Jasmine Food
Corporation

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh bermakna ini sempena **Majlis Pelancaran Program Kitar Semula Beg Plastik Beras dengan kerjasama Syarikat Jasmine Food Corporation Sdn. Bhd. di Pasar Besar Econsave Jawi.**
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Jawi, atas kesudian hadir dan merasmikan majlis ini meskipun jadual Yang Berhormat amat padat. Kehadiran Yang Berhormat pada pagi ini membuktikan sokongan padu serta komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap agenda kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan rakyat.

3. Tidak lupa juga, setinggi-tinggi penghargaan saya rakamkan kepada pihak Jasmine Food Corporation Sdn. Bhd. dan Pasar Besar Econsave Jawi atas sokongan penuh dalam menjayakan program berimpak besar ini. Pada masa yang sama, saya turut merakamkan setulus penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua hadirin yang hadir meluangkan masa bagi bersama-sama menjayakan majlis ini. Sesungguhnya, kehadiran tuan-tuan dan puhan-puan menyerlahkan semangat kebersamaan dalam menyokong agenda kelestarian alam sekitar yang kita usahakan bersama.
4. Program Kitar Semula Beg Plastik Beras ini adalah satu manifestasi daripada nilai murni Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang bukan sahaja berfokus kepada pengurangan sisa plastik, malah turut meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan amalan kitar semula dalam kehidupan seharian. Insentif berupa pemberian beras kepada orang ramai yang membawa beg plastik beras untuk dikitar semula adalah satu langkah bijak yang mampu menggalakkan penyertaan lebih meluas daripada masyarakat setempat.
5. Malah, saya difahamkan program ini turut memberi penekanan terhadap pendekatan *upcycle*, iaitu memberi nafas baharu kepada bahan terbuang untuk dijadikan produk berguna. Usaha murni yang digerakkan oleh Pertubuhan Penduduk Kepala Gajah yang menghasilkan beg tangan, dompet dan barang kegunaan lain

daripada bahan terpakai wajar dijadikan contoh teladan. Inilah bukti bahawa kreativiti dan kesedaran lestari dapat bergabung menghasilkan sesuatu yang bermanfaat serta bernilai tambah.

6. Program seperti ini tidak sekadar mengurangkan pencemaran plastik, tetapi turut menyemai kesedaran generasi kini mengenai kepentingan menjaga bumi untuk generasi masa depan. Ia selaras dengan prinsip pengguna bijak 8R iaitu *Rethink, Refuse, Reuse, Reduce, Repair, Regift, Recover* dan *Recycle*. Saya berharap agar lebih ramai komuniti tempatan tampil menyahut seruan ini sebagai sebahagian daripada gaya hidup lestari.
7. Justeru, menjadi harapan saya agar program ini dapat menjadi pencetus kepada lebih banyak inisiatif hijau yang bakal digerakkan bersama oleh MBSP dengan pelbagai rakan strategik. Usaha ini diyakini mampu menyumbang kepada visi kita untuk membentuk sebuah bandar raya rendah karbon yang berdayahuni, mampan, inklusif, hijau, kompetitif serta berteraskan konsep Bandar Pintar.
8. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat, khususnya Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye serta rakan strategik kita iaitu Jasmine Food Corporation Sdn. Bhd., Pasar Besar Econsave Jawi, pertubuhan penduduk setempat dan seluruh warga komuniti

yang hadir menyokong program ini. Semoga usaha murni ini terus diperkasakan dan menjadi sumber inspirasi kepada seluruh lapisan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***